

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1991/92**

**EUP 403 - Pengurusan Perakaunan  
Masa : [ 2 jam ]**

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

**Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat bercetak termasuk lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**

**Jawab SEMUA soalan.**

**Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan.**

**Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.**

...2/-

1. Banyak kolej telah mengiklan dengan meluasnya perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka tawarkan. Sebagai contoh, sebuah kolej di Kuala Lumpur telah menggunakan salah satu akhbar utama untuk mempromosikan kursus khasnya. Katakan kolej Bukit Fraser (KBF) mengenakan yuran tahunan menyeluruh sebanyak \$8,000 untuk tuisyen, bilik dan makanan dan ia mempunyai kapasiti untuk 2000 pelajar. Jumlah kos bagi tahun akademik 1993 adalah:

Bilangan Pelajar	1,500	2,000
Program pendidikan	\$6,900,000	\$7,800,000
Bilik	3,175,000	3,500,000
Makanan	2,475,000	3,100,000

Jabatan Pengambilan meramalkan kemasukan seramai 1,600 pelajar dalam tahun 1993. Walaubagaimanapun, penolong pengarah Bahagian Pengambilan telah mencadangkan satu kempen selama 2 bulan menggunakan iklan radio dan televisyen.

Dikehendaki;

Andaikan tiap-tiap soalan berikut tidak berkaitan antara satu dengan yang lain ;

- a) Kira kos-kos berubah untuk seorang pelajar dan jumlah kos tetap bagi tiap-tiap item kos.  
(8 markah)
- b) Lukiskan carta Titik Pulang Modal untuk operasi kolej tersebut dalam tahun 1993. Tunjukkan Titik Pulang Modal dalam bilangan pelajar dan ringgit.  
(8 markah)
- c) Katakan sebuah syarikat besar mahu menghantar 50 orang dari pekerja-pekerjanya untuk latihan selama 1 tahun dengan bayaran sebanyak \$5,000 seorang. Patutkah KBF menerima tawaran tersebut. Tunjukkan perkiraan bagi menyokong jawapan anda.  
(5 markah)
- d) Katakan kos kempen iklan tersebut adalah \$700,000. Apakah bilangan minimum tambahan pelajar yang mesti diperolehi melalui kempen tersebut untuk menjadikannya pulang modal.  
(5 markah)
- e) Katakan jabatan pengambilan meramalkan bahawa kempen tersebut akan menarik seramai 350 pelajar tambahan. Berapakah amaun maksimum KBF patut bayar untuk kempen tersebut dan masih pulang modal.  
(4 markah)

...3/-

Sasura Sdn. Bhd. mengeluarkan dan menjual tiga keluaran; Sam, Sum dan Ram. Syarikat sedang dalam proses menyediakan belanjawan bagi tahun 1993. Berikut adalah anggaran jualan bagi suku tahun pertama berakhir 31 Mac 1993.

Keluaran	Unit jualan dijangka
Sam	14,000
Sum	37,500
Ram	54,300

Inventori yang dijangka pada awal dan yang dikehendaki pada akhir suku tahun adalah seperti berikut:

	1 Jan	31 Mac
Sam	5,800	6,200
Sum	10,600	10,500
Ram	13,000	12,200

Dikehendaki:

- Terangkan secara ringkas perbezaan diantara belanjawan tetap dan belanjawan bolehubah. Yang mana lebih baik untuk mengawal operasi? Mengapa?  
(5 markah)
- Katakan anda telah diminta menyediakan belanjawan-belanjawan bahan mentah dan buruh langsung bagi Sasura Bhd. Senaraikan maklumat yang anda perlu untuk menyediakan belanjawan-belanjawan tersebut.  
(7 markah)
- Dari maklumat yang diberikan diatas, sediakan belanjawan pengeluaran untuk suku tahun pertama 1993.  
(8 markah)

3. Kulim Plastics Sdn. Bhd. mengeluarkan perkakasan dapur. Syarikat menggunakan sistem kos standard untuk mengawal kos-kos perkilangan. Standard-standard berikut telah ditetapkan untuk 1000 biji mangkok nasi.

Bahan: Rexo	150 kg @ \$1	\$150.00
Zyco	250 kg @ \$2	500.00
Buruh langsung	50 jam @ \$2	100.00
Overhed kilang	50 jam @ \$1	50.00
		800.00

Urusniaga dalam bulan Jun 1992.

Bahan mentah dibeli dan digunakan;		
Rexo	2960 kg	\$3,108.00
Zyco	5100 kg	9,843.00

Upah buruh langsung dibayar;

Pekerja diambil	5 orang
Jam bekerja	980
Upah dibayar	\$1,911

Mangkok nasi yang dihasilkan 19,000 unit.

Dikehendaki;

- a) Tentukan kos-kos standard bagi bahan mentah, buruh langsung dan overhed kilang bagi bulan Jun 1992.
 

(9 markah)
- b) Kirakan sisihan-sisihan berikut untuk bulan Jun 1992.
  - i) Varian-varian harga dan penggunaan bagi bahan mentah.
  - ii) Varian-varian kadar dan kecekapan bagi buruh langsung.

(10 markah)
- c) Kirakan varian-varian belanjawan bolehubah bagi bahan mentah dan buruh langsung.
 

(6 markah)

...5/-

4. Syarikat GB Bhd. sedang menimbang pembelian sebuah penekan besar berharga \$500,000. Anggaran faedah tunai adalah;

<u>Tahun</u>	<u>Faedah tunai sebelum cukai</u>
1	\$125,000
2	200,000
3	200,000
4	200,000
5	175,000
6	150,000
7	125,000
8	100,000
9	75,000
10	50,000

Mesin tersebut disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk tempoh 10 tahun. Nilai bakiannya adalah sifar. Andaikan kadar cukai pendapatan 50% dan kos modal sebanyak 10%. Tempoh bayar balik maksimum yang boleh diterima adalah 5 tahun.

Dikehendaki;

- a) Kirakan;
- i) Aliran tunai bersih tahunan. (6 markah)
  - ii) Tempoh bayar balik. (6 markah)
  - iii) Nilai kini bersih. (8 markah)
- b) Berasaskan jawapan anda dalam ii) dan iii) di atas, nasihatkan pengurusan berhubung dengan pembelian mesin tersebut. (5 markah)

-ooo0ooo-

**LAMPIRAN**

**Jadual 1 (nilai kini \$1)**

Tahun	10%
1	0.909
2	0.826
3	0.751
4	0.683
5	0.621
6	0.564
7	0.513
8	0.467
9	0.424
10	0.386

**Jadual 2 (Nilai kini annuiti)**

Tahun	10%
1	0.909
2	1.736
3	2.487
4	3.170
5	3.791
6	4.355
7	4.868
8	5.335
9	5.759
10	6.145